



Bayar Cukai Selagi Ada Pendapatan

HEBOH di media sosial isu guru yang perlu membayar cukai pendapatan jika menjalankan pekerjaan sambil seperti kelas tambahan dan membuat nota tambahan. Isu tersebut mendapat perhatian ramai dan dijadikan polemik oleh sebahagian netizen yang menghamburkan kecaman terhadap sistem percukaian langsung yang dikemudi sepenuhnya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Ada pihak yang memberikan justifikasi berat sebelah dengan mengatakan bahawa semua pendapatan dikenakan cukai.

Isu tersebut menggambarkan bahawa pendapatan yang datang daripada perniagaan sambil seolah-olah baru sahaja dikenakan cukai oleh pihak kerajaan walhal perkara ini sebenarnya sudah lama termaktub untuk sekian lamanya dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP1967). Seksyen 4 ACP 1967 dengan jelas menggariskan jenis pendapatan yang boleh dikenakan cukai seperti Jadual 1.

Jadual 1 menerangkan secara ringkas jenis pendapatan yang boleh dikenakan cukai pendapatan dan perisytiharan pendapatan wajib

Jadual 1 Spesifikasi jenis pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan.

Seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967

1. Perolehan atau keuntungan daripada perniagaan.
2. Perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan.
3. Dividen, faedah atau diskaun.
4. Sewa, royalti atau premium.
5. Pencen, anuiti atau bayaran berkala lain yang tidak termasuk di bawah mana-mana kelas pendapatan di atas.
6. Sebarang perolehan atau keuntungan yang tidak dimasukkan dalam mana-mana perkara di atas.

ctr. no: 0000274947

ECO2016/A11



dihantar kepada LHDNM pada setiap tahun taksiran. Namun begitu, timbul kekeliruan tentang bentuk pendapatan dan kaedah untuk mengenal pasti pendapatan yang perlu diisytiharkan pada borang cukai. Konsepnya mudah, Seksyen 3 (ACP 1967) menyatakan pembayar cukai, sama ada yang bermastautin ataupun tidak bermastautin di Malaysia, dikenakan cukai atas pendapatan yang diperolehi di Malaysia.

Hal ini bermakna, apa-apa pendapatan yang dijanakan di Malaysia, seperti gaji bulanan, bonus, elaun dan komisen (pendapatan penggajian), dikenakan cukai pendapatan. Jumlah pendapatan yang perlu dilaporkan boleh dirujuk pada borang EA bagi pekerja swasta dan borang EC bagi pekerja kerajaan. Penyata pendapatan tahunan pekerja ini merupakan rujukan utama yang mencatatkan jumlah penggajian termasuk bonus/perkuisit/elaun yang diterima dan potongan cukai bulanan (PCB) yang telah ditolak pada setiap bulan.

Sama ada yang bermastautin ataupun tidak bermastautin di Malaysia, dikenakan cukai atas pendapatan yang diperolehi di Malaysia.

Sebagai contoh Encik Ahmad bekerja sebagai pegawai kerajaan, pendapatan gaji bulanan yang diterima oleh beliau jatuh di bawah perenggan 2, iaitu perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan. Hal ini bermaksud gaji yang diterima oleh beliau adalah layak dikenakan cukai jika pendapatan tahunan yang diterima melebihi RM34 001 setahun bagi individu bujang selepas ditolak dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pada masa yang sama, Encik Ahmad menjalankan pekerjaan sampingan, iaitu sebagai pengacara sambilan untuk majlis korporat. Berdasarkan Seksyen 4 (ACP 1967), pendapatan

sampingan beliau juga boleh terpakai bagi perenggan 6, iaitu menerima "sebarang perolehan atau keuntungan yang tidak dimasukkan dalam mana-mana perkara di atas" dan mungkin juga terpakai bagi perenggan 2, iaitu "perolehan/keuntungan daripada sesuatu pekerjaan".

Oleh itu, situasinya di sini ialah Encik Ahmad menjalankan dua pekerjaan pada satu masa, iaitu bekerja sebagai pegawai kerajaan dan pengacara sambilan untuk majlis korporat, yang mana pendapatan beliau layak untuk dikenakan cukai pendapatan. Maka Encik Ahmad perlu melaporkan kedua-dua jenis pendapatan tersebut pada Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan hantar kepada LHDNM pada masa yang telah ditetapkan.

Contoh yang seterusnya ialah Kapten Sharul yang telah berpencen daripada Angkatan Tentera Malaysia dan pendapatan pencen beliau dikecualikan cukai, namun beliau mempunyai pendapatan rumah dan tanah sewa. Maka keuntungan yang diterima daripada pendapatan rumah dan tanah sewa juga boleh terpakai bagi perenggan 2 atau perenggan 6, seperti yang tertera pada Jadual 1. Maka Kapten Sharul perlu melaporkan pendapatan rumah dan tanah sewa yang diterima beliau pada BNCP dan dihantar kepada LHDNM pada masa yang telah ditetapkan. Contoh pengiraan jumlah pendapatan kasar Encik Ahmad dan Kapten Sharul adalah seperti dalam Jadual 2.

Berdasarkan contoh dalam Jadual 2, Encik Ahmad dan Kapten Sharul perlu melaporkan pendapatan mereka dengan menghantar borang cukai kepada LHDNM pada setiap tahun taksiran selagi mereka menerima pendapatan dan keuntungan daripada pekerjaan yang dijalankan. Namun demikian, hal ini masih pada peringkat pelaporan pendapatan, iaitu pembayar cukai masih belum pasti sama ada perlu membayar

Jadual 2 Jumlah perkiraan pendapatan kasar (sebelum ditolak pelepasan dan perbelanjaan yang dibenarkan).

Encik Ahmad (pendapatan setahun)		Kapten Sharul (pendapatan setahun)	
Pendapatan penggajian	RM50 000	Pendapatan penggajian	Tiada (pesara)
Pendapatan pengacara sambilan	RM12 000	Pendapatan rumah dan tanah sewa	RM80 000
Jumlah Pendapatan Kasar	RM62 000	Jumlah Pendapatan Kasar	RM80 000

cukai pendapatan ataupun tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana pendapatan sesuatu pekerjaan/ perniagaan hanya layak dikenakan cukai pendapatan setelah mengambil kira semua pelepasan cukai yang layak dituntut dan perbelanjaan yang layak dibenarkan dalam perniagaan atau pekerjaan yang berkaitan.

Menuntut pelepasan cukai pendapatan merupakan hak pembayar cukai yang telah diberikan seperti pelepasan diri, pelepasan anak bagi yang sudah berkahwin, pelepasan KWSP, insurans dan zakat. Bagi pembayar cukai yang menjalankan perniagaan sepenuh masa pula (Borang B), mereka boleh menuntut perbelanjaan yang dibenarkan seperti bayaran upah/gaji pekerja, bayaran caruman KWSP pekerja, kos sewa premis perniagaan dan perbelanjaan baik pulih premis perniagaan yang tertakluk di bawah peruntukkan ACP 1967.

Konsep mudahnya, semua pendapatan yang diterima dalam tahun yang ditaksir (gaji, dividen, hasil sewaan, royalti, ganjaran, hadiah) perlu dijumlahkan dan ditolak dengan semua pelepasan yang dituntut. Maka baki tolakan tersebut (pendapatan bercukai) ialah jumlah yang akan dikenakan cukai. Pendapatan bercukai ialah jumlah pendapatan tahunan individu yang layak dikenakan cukai. Pada ketika ini, had pendapatan bercukai minimum ialah RM34 001 setahun bagi individu bujang dan RM45 001 setahun bagi individu berkahwin (selepas pemotongan KWSP jika ada).

Malah jika pendapatan bercukai di bawah RM35 000 pembayar cukai layak menerima rebat cukai individu sebanyak RM400. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kepada pembayar cukai untuk menuntut pelepasan yang telah diberikan semasa mengisi BNCP termasuk menuntut rebat zakat jika ada membayar zakat pada setiap tahun. Malaysia merupakan sebuah negara percukaian yang memberikan jumlah pelepasan dan tuntutan yang banyak kepada pembayar cukainya termasuk pelepasan khas sebanyak RM2000 bagi pembayar cukai berpendapatan RM96 ribu setahun ke bawah pada tahun taksiran 2015.

Selain itu, lebih menguntungkan, tidak semua pendapatan di Malaysia dikenakan cukai pendapatan. Terdapat beberapa jenis pendapatan yang dikecualikan cukai, antaranya termasuklah kemudahan perjalanan, manfaat kesihatan dan perubatan, bayaran gratuity, pampasan, pencen yang diluluskan, biasiswa, bayaran persembahan kebudayaan, faedah, dividen, royalti, bayaran kepakaran, pendapatan hasil kajian saintifik dan elaun perjalanan. Namun demikian, jumlah atau kadar pengecualian setiap jenis pendapatan adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan ACP 1967.

Had pendapatan bercukai minimum ialah RM34 001 setahun bagi individu bujang dan RM45 001 setahun bagi individu berkahwin (selepas pemotongan KWSP jika ada).

Contoh pengecualian cukai ialah perkuisit pemberian majikan berupa kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau gajungannya yang digunakan atas urusan rasmi pekerjaan. Elaun perjalanan ini boleh dikecualikan cukai, namun terhad kepada jumlah siling RM6000 sahaja. Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat keluli, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftarkan atas nama pekerja atau majikan juga dikecualikan cukai, namun terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset yang diberikan.

Di samping itu, antara pendapatan lain yang dikecualikan cukai pendapatan termasuklah pendapatan dividen, manakala bayaran dividen yang dikecualikan daripada cukai pendapatan, termasuklah dividen yang diterima daripada syarikat yang mengagihkan dividen daripada pendapatan syarikat yang dikecualikan daripada cukai, dividen yang diterima daripada syarikat kerjasama (koperasi), dividen yang diterima daripada amanah saham yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, seperti dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan dividen yang diterima daripada unit amanah yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang melaburkan 90 peratus atau lebih daripada unit amanah tersebut dalam sekuriti kerajaan.

Pencen pesara juga dikecualikan cukai pendapatan namun dengan syarat:

- a. Orang yang berkenaan bersara pada umur 55 tahun atau pada umur wajib untuk bersara daripada penggajian seperti yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.
- b. Orang yang bersara kerana keuzuran dan pencen tersebut diterima daripada kerajaan atau skim pencen yang diluluskan.
- c. Bagi pekerja sektor awam yang memilih persaraan pilihan, bayaran pencen yang diterima akan ditaksir dan dikenakan cukai sehingga mencapai umur 55 tahun atau umur wajib bersara di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- d. Bagi individu yang menerima lebih daripada satu pencen, hanya bayaran

pencen yang tertinggi akan dikecualikan daripada cukai.

Pembayar cukai yang layak dikenakan cukai, tetapi masih tiada nombor cukai perlu mendapatkan nombor cukai mereka daripada LHDNM dan permohonan tersebut boleh dilakukan menerusi sistem e-daftar yang boleh dicapai di portal rasmi LHDNM atau hadir ke cawangan LHDNM yang terdekat. Jika pembayar cukai sudah melaporkan pendapatan mereka yang sepatutnya dalam BNCP, tindakan seterusnya adalah membayar cukai jika ada baki cukai terkurang yang perlu dibayar dan bayaran tersebut boleh dilakukan di kaunter bank ejen LHDNM, bayaran dalam talian, bayaran menggunakan kad kredit, atau kaedah lain.

Namun begitu, jika pembayar cukai terlebih bayar jumlah cukai pendapatan setelah taksiran dilakukan, maka pembayar cukai hanya perlu menunggu bayaran baik cukai yang akan dibayar dalam tempoh 90 hari bekerja bagi pengisian borang manual dan 30 hari bekerja melalui e-filing. Semua maklumat berkenaan perkara tersebut boleh dicapai di portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my atau berhubung dengan mana-mana cawangan LHDNM untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih.

LHDNM sentiasa meletakkan keutamaan pembayar cukai dalam urusan percukaian negara, yakni inovasi dan perancangan teliti sentiasa digerakkan bagi memastikan kelesaan pembayar cukai menjalankan tanggungjawab mereka. Walaupun rakyat kini dibelenggu dengan kos sara hidup yang semakin meningkat kesan daripada iklim ekonomi global yang tidak menentu, kesinambungan polisi dan pembangunan negara perlu diteruskan. Namun demikian, usaha yang direncanakan memerlukan hasil negara yang mapan untuk memastikan segala perancangan dan projek pembangunan berjalan dengan lancar.

Di samping pengurusan negara yang sistematik, penyumbang utama kepada kejayaan negara tercinta pada hari ini datangnyanya daripada hasil negara yang juga datang daripada cukai yang dibayar oleh semua pembayar cukai. Malahan kejayaan yang dilakarkan oleh anak-anak kita pada hari ini, sedikit banyak dibantu oleh hasil negara. Oleh itu, pemahaman yang betul dan jitu berkenaan aspek percukaian negara amatlah penting bagi memastikan manifestasi yang diimpikan itu sampai kepada maksudnya, iaitu demi kemakmuran negara tercinta dan menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. ●

Usaha yang direncanakan memerlukan hasil negara yang mapan untuk memastikan segala perancangan dan projek pembangunan berjalan dengan lancar.

